

Bersantai makan durian, cendol di Durian King TTDI



Oleh EDDY HAMIDI

KUALA LUMPUR – Penggemar durian di ibu kota kini tidak perlu lagi meredah kesesakan jalan raya untuk menikmati keenakan Raja Buah itu dengan mengunjungi gerai Durian King TTDI di



Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) di sini.

Ini kerana gerai itu kini lebih mudah dikunjungi dengan menggunakan perkhidmatan Transit Aliran Massa (MRT).

Gerai Durian King TTDI yang beroperasi di kawasan parkir kenderaan Pasar Besar TTDI terletak kira-kira 500 meter dari Stesen MRT TTDI atau mema-



RASHID (kanan) bersama rakan sekerjanya, **Datuk Zainul Arifin Mohammed Isa** (kiri) dan **Nik Hisham Abd. Halim** menikmati cendol durian istimewa di gerai Durian King TTDI, Kuala Lumpur semalam.

kan masa hanya 10 minit berjalan kaki.

Rakan kongsi perniagaan Durian King TTDI, **Su Aishah Abdullah** (**gambar kecil**), 34, berkata, pembukaan Stesen MRT Fasa Pertama Laluan Sungai Buloh-Kajang (SBK) pada 16 Disember tahun lalu dan fasa kedua projek itu pada 17 Julai lalu memudahkan lebih ramai pelanggan me-

ngunjungi gerainya.

“Pelanggan boleh menikmati keenakan Raja Buah dan berehat di sini selepas seharian penat bekerja tanpa perlu risau tentang kesesakan jalan raya,” katanya kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Su Aishah berkata, bagi memastikan kesegaran durian yang disajikan untuk pelanggan,



HIDANGAN cendol durian istimewa berharga RM15 semangkuk yang dijual di gerai Durian King TTDI.

pihaknya memastikan bekalan Raja Buah itu dihantar setiap hari oleh pembekal dari Pahang, Melaka, Johor dan Pulau Pinang.

Pelbagai jenis durian seperti Musang King, XO, D24, dan Udang Merah dijual di gerai itu pada kadar harga antara RM35 hingga RM88 sekilogram.

Selain itu, pelanggan juga disajikan dengan hidangan cendol durian istimewa, ais kacang, sagu gula Melaka, air kelapa serta jus oren segar kepada pelanggan dari harga RM5 hingga RM15.

Seorang kakitangan syari-



Lokasi: Ruang letak kereta Pasar Besar Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur

Stesen MRT: TTDI (500 meter dari stesen)

Telefon: 016-274 6474

Facebook: Durian King TTDI

Waktu operasi:
Isnin-Jumaat:
(5 petang - 12 tengah malam)

Sabtu dan Ahad:
(12 tengah hari - 12 tengah malam)

kat swasta, **Abdul Rashid Yusof** berkata, dia sudah dua kali berkunjung ke gerai tersebut untuk menikmati cendol durian.

“Kali pertama saya datang di sini bersama dengan isteri. Selepas itu, saya datang bersama rakan-rakan sekerja untuk menikmati cendol durian selepas menyelesaikan urusan kerja,” katanya.